



**BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA,  
JABATAN PENDAFTAR,  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH,  
26600 PEKAN,  
PAHANG DARUL MAKMUR**

### **Kumpulan Pelaksana**

Jumlah Kekosongan Jawatan - **KONTRAK : 1**

Penempatan Jawatan: BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA, UMPSA KAMPUS GAMBANG

#### **PEMBANTU OPERASI GRED N11**

Tangga Gaji RM1,216.00 (Minimum) - RM2,983.00 (Maksimum)

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

(c) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta lesen memandu sekurang-kurangnya Kelas B2 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan

(Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM1,216.00)

#### **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik UMPSA berasaskan pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

## **SYARAT-SYARAT UMUM**

Pemohon-pemohon yang memohon jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

## **TARAF JAWATAN**

Jawatan akan dilantik secara Tetap / Kontrak.

## **UMUR PADA TARIKH TUTUP IKLAN**

Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

## **CARA MEMOHON**

Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian dengan mengisi maklumat pemohon di laman sesawang UMPSA, [E-recruitment UMPSA](#)

## **PERMOHONAN OLEH PEGAWAI YANG SEDANG BERKHIDMAT**

1. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan salinan Laporan Nilai Prestasi Tahunan tiga (3) tahun terakhir, salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini dan ulasan majikan sama ada menyokong atau tidak permohonan selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012, Para 18.
2. **Perhatian kepada pemohon daripada Perkhidmatan Awam Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan selain Pihak Berkuasa Melantik Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).** Sekiranya tuan/puan ditawarkan jawatan dan bersetuju menerima tawaran tersebut, pelantikan ini adalah sebagai **pelantikan baharu**.

Sehubungan itu:

- a) Segala kekananan dan faedah perkhidmatan terdahulu, termasuk kemudahan cuti, **tidak akan diambil kira** kerana perbezaan Pihak Berkuasa Melantik, selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.
- b) Walau bagaimanapun, tempoh perkhidmatan tetap terdahulu **boleh dipertimbangkan untuk dicantumkan**, tertakluk kepada kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), bagi tujuan **pengiraan faedah persaraan sahaja**.

Sila hantarkan ke alamat berikut:

## **PUSAT PENGURUSAN BAKAT**

**JABATAN PENDAFTAR CANSELERI TUN ABDUL RAZAK  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH  
26600 PEKAN PAHANG DARUL MAKMUR**

**(U/P : Unit Perjawatan Pentadbiran/Unit Perjawatan Akademik)**

## **CATATAN AM**

- a) Hanya permohonan yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga melalui emel yang telah berdaftar dengan UMPSA.
- b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan daripada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- c) Pemohon yang pernah membuat permohonan pada iklan-iklan yang lalu dinasihatkan mengemukakan semula permohonan jika masih berminat dan layak.

**PERMOHONAN ATAS TALIAN**

TARIKH BUKA

: 09/01/2018

TARIKH TUTUP

: 23/01/2018